

19 SEP 1998

KOMANWEL:MAHATHIR SAKSIKAN RAPTAI PENUH UPACARA PENUTUP

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan raptai penuh upacara penutup Sukan Komanwel ke-16 di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini, malam ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Upacara penutup itu, yang akan diadakan pada malam Isnin ini, terbahagi kepada dua bahagian iaitu majlis rasmi dan konsert antarabangsa.

Antara program yang diatitkan dalam upacara gemilang selama 4 1/2 jam itu ialah persembahan daripada penganjur Sukan Komanwel tahun 2002, Bandaraya Manchester, dan persembahan kebudayaan Malaysia sebagai tanda perpisahan kepada semua yang mengambil bahagian dalam Sukan Komanwel ke-16 di sini.

Konsert antarabangsa pula akan menampilkan artis-artis Malaysia dan negara-negara Komanwel.

Ketua Komanwel, Ratu Elizabeth, yang akan tiba di sini esok untuk lawatan rasmi, dijadualkan merasmikan penutupan Sukan Komanwel ke-16.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, yang merasmikan pembukaan Sukan Komanwel pada 11 Sept lepas, juga dijadualkan menghadiri upacara penutupan temasya sukan berprestij itu.

-- BERNAMA

MAM NAK